

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK - BEBAS]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN (NO. 20)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah strategi untuk mempertingkatkan mutu dan prestasi sukan negara setelah gagal mencapai sasaran pingat di Sukan Komanwel 2014 di Glasgow dan ketinggalan di belakang Singapura dari segi pungutan pingat buat julung-julung kalinya dalam sejarah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontinjen negara yang telah menyertai temasya Sukan Komanwel Glasgow 2014 yang lalu adalah seramai 269 orang. Mereka terdiri daripada :-
 - i. 179 atlet (104 lelaki; 75 wanita)
 - ii. 72 pegawai pasukan (58 lelaki; 14 wanita)
 - iii. 9 pegawai perubatan dan sains sukan (6 lelaki; 3 wanita)
 - iv. 9 pegawai sekretariat (7 lelaki; 2 wanita).

2. Sukan Komanwel Glasgow 2014 mempertandingkan sebanyak 261 acara yang menawarkan 261 pingat emas keseluruhannya. Kontinjen negara telah mensasarkan sebanyak **7 pingat emas** daripada 130 acara yang disertai. Secara keseluruhannya kontinjen negara telah memenangi **6 pingat emas, 7 pingat perak** dan **6 pingat gangsa**.

3. Pencapaian sasaran sukan-sukan terlibat adalah seperti berikut :-
 - 3.1 Angkat Berat :
 - Mencapai sasaran 1 emas melalui Mohd Hafifi Mansor (69kg).
 - 3.2 Badminton :
 - Mencapai sasaran 3 emas melalui acara Berpasukan Campuran, Tan Wee Kiong dan Goh Wei Shem (Bergu Lelaki) serta Vivian Hoo Kah Mun dan Woon Keh Wei (bergu wanita).

- 3.3 Skuasy :
- Mencapai sasaran 1 emas melalui Dato' Nicol David (perseorangan wanita).
- 3.4 Terjun :
- Mencapai sasaran 1 emas melalui Ooi Tze Liang (3m Springboard).
- 3.5 Berbasikal Trek :
- gagal mencapai sasaran 1 emas apabila Azizul Hasni Awang (Keirin) hanya memenangi pingat gangsa.
- 3.6 Lawn Bowls :
- gagal mencapai sasaran 1 emas apabila 'Men Pairs' dan 'Women Fours' hanya memenangi 2 pingat perak.
4. Jumlah keseluruhan perbelanjaan untuk menghantar Kontinjen Malaysia ke Sukan Komanwel Glassgow 2014 adalah berjumlah **RM1,956,650.00** meliputi kos tambang dan pakaian. Manakala pakaian 'Track-suit' dan 'T-shirt' Harimau jenama Yonex ditaja oleh Sunrise & Co. (Pte) Ltd dan kasut sukan jenama Power ditaja oleh BATA (M) Sdn Bhd.
5. Mesyuarat Penilaian Prestasi (*Post Mortem*) yang telah diadakan pada 12 Ogos 2014 (Selasa) di Dewan Komanwel, Majlis Sukan Negara mengambil maklum tentang pelaporan dan pandangan yang diberikan oleh wakil-wakil daripada Majlis Sukan Negara, Majlis Olimpik Malaysia dan empat belas (14) Persatuan Sukan Kebangsaan yang terlibat ke Sukan Komanwel Glasgow 2014.
6. Pihak Kementerian akan membuat kajian menyeluruh dengan mengambil kira pendekatan sedia ada dan punca-punca kegagalan

SULIT

serta cadangan penambahbaikan. Seterusnya satu pelan strategik jangka panjang akan disediakan bagi meningkatkan prestasi atlet-atlet negara untuk persiapan menghadapi pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa kelak.

Sekian, terima kasih.